

**HUBUNGAN ANTARA KEMAHIRAN SOSIAL  
DENGAN TINGKAH LAKU SOSIAL DALAM  
KALANGAN KANAK-KANAK PRASEKOLAH**

**NURSUHAILI BINTI BAHARUDDIN**

PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK  
MEMENUHI SYARAT MEMPEROLEH  
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN**

**SEKOLAH PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SOSIAL  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2010**



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS**

**JUDUL HUBUNGAN ANTARA KEMAHIRAN SOSIAL DENGAN TINGKAH LAKU SOSIAL DALAM KALANGAN KANAK-KANAK PRASEKOLAH**

**IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN PRASEKOLAH (SECARA PENYELIDIKAN)**

**SAYA NURSUHAILI BINTI BAHARUDDIN SESI PENGAJIAN 2009/2010  
(HURUF BESAR)**

mengaku membenarkan tesis (LPSM/Sarjana/Doktor Falsafah) ini disimpan di perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan (/)

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau Kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA RASMI 1972)

SULIT

TERHAD

TIDAK TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan Dijalankan)

Disahkan oleh

*Selli*

(TANDA TANGAN PENULIS )

(TANDA TANGAN PUSTAKAWAN)

Alamat tetap No. 44 Taman Kinarut Jaya,  
89608, Papar, Sabah

Prof. Madya Dr. Salleh Abd. Rashid  
Nama Penyelia

Tarikh : 1 September 2010

Tarikh : \_\_\_\_\_

CATATAN:-Potong yang tidak berkenaan.

**\*\*Jika tesis ini SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa /organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis ini Perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.**

**@Tesis dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor falsafah dan Sarjana Secara penyelidikan atau disertasi bagi pengajian secara kerja Kursus dan Laporan Projek Sarjana Muda(LPSM)**



## PENGAKUAN

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

*Shaili*

NURSUHAILI BINTI BAHARUDDIN

PS03-006-083

1 SEPTEMBER 2010



## **PENGESAHAN**

**NAMA : NURSUHAILI BINTI BAHARUDDIN**

**NO. MATRIK : PS 03-006-083**

**TAJUK : HUBUNGAN ANTARA KEMAHIRAN SOSIAL DENGAN  
TINGKAH LAKU SOSIAL DALAM KALANGAN KANAK-  
KANAK PRASEKOLAH**

**IJAZAH : SARJANA PENDIDIKAN  
(SECARA PENYELIDIKAN)**

**TARIKH VIVA : 29 JUNE 2010**

### **DISAHKAN OLEH**

#### **1. PENYELIA**

**PROF. MADYA DR. SALLEH ABD. RASHID**

**TANDATANGAN**



\_\_\_\_\_

## PENGHARGAAN

Saya dengan rasa penuh kesyukuran kepada Allah S.W.T kerana dengan izinNya jua maka saya berjaya menyiapkan tesis ini dengan sempurna.

Di sini ingin merakamkan rasa gembira dan setinggi penghargaan buat bapa saya Tuan Baharuddin bin Mohammed dan Puan Mariam Abd. Karim Judin atas doa dan usaha mendidik saya, serta bapa dan ibu mertua saya Tuan Iman Hj. Musleh Bin Taufek dan ibu tersayang Hajjah Dayang Nurlin Binti Mat Noor. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga khas untuk suami tersayang Encik Raffae Hj. Musleh serta anak-anak tercinta Muhammad Mirza Azri, Muhammad Waldan Arief, Dayang Nur Batrisyia Aisy, arwah Muhammad Amsyar Aqiel dan Dayang Nur Eeffah Alany . Doa dan semangat serta kasih sayang anda telah menjadi sumber inspirasi untuk saya menyiapkan tesis dengan sempurna. Ucapan terima kasih juga buat abang-abang, kakak-kakak dan adik-adik serta semua kakak, abang dan adik ipar saya.

Buat penyelia kajian saya Profesor Madya Dr. Salleh Abd. Rashid, ucapan terima kasih atas segala tunjuk ajar dan kesungguhan beliau dalam memberi nasihat serta membimbing saya tanpa jemu. Setinggi penghargaan buat Prof. Dr.Mohd. Yusuf Bin Abdullah, Dekan Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial dan pihak pentadbiran UMS yang telah memberi saya peluang untuk mengikuti pengajian pasca siswazah dalam bidang Pendidikan Prasekolah, serta tenaga pensyarah UMS kerana telah banyak memberi ilmu pengetahuan baru dan bimbingan sepanjang kursus ini berlangsung. Ucapan terima kasih juga dirakamkan buat penyelaras kursus ini atas keprihatinan dan dorongan kuat dalam mengurus keperluan kami sepanjang pengajian.

Kepada Bahagian Biasiswa, Kementerian Pelajaran Malaysia yang telah menaja sebahagian pengajian saya dan pengetua sekolah tempat saya berkhidmat, guru yang terlibat terima kasih atas jasa baik dan kerjasama yang telah diberikan bagi membantu menjayakan kajian ini. Ucapan terima kasih untuk rakan-rakan guru yang banyak membantu dan memberi semangat dalam usaha ini.

Akhir sekali, ucapan terima kasih semua pihak yang telah memberi peluang untuk saya melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Ucapan terima kasih kepada semua pihak termasuklah rakan-rakan seperjuangan yang telah membantu saya menyiapkan tesis ini secara langsung atau tidak langsung. Semoga Allah S.W.T akan membalas jasa baik anda semua. Amin..

Sekian, terima kasih.

NURSUHAILI BINTI BAHARUDDIN



## ABSTRAK

### HUBUNGAN ANTARA KEMAHIRAN SOSIAL DENGAN TINGKAH LAKU SOSIAL DALAM KALANGAN KANAK-KANAK PRASEKOLAH

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap keupayaan kemahiran sosial dan tingkah laku sosial dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Kajian ini adalah satu kajian tinjauan yang melibatkan 8 buah Tabika, KEMAS di daerah Beaufort, Sabah. Sampel kajian adalah seramai 168 orang kanak-kanak prasekolah dengan menggunakan persampelan bertujuan. Data telah dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif dan inferensi. Melalui kaedah deskriptif, min, sisihan piawai dan peratus digunakan manakala melalui kaedah inferensi, ujian-t, analisis korelasi Pearson dan analisis regresi berganda telah dibuat menggunakan program Statistical Package for the Social Science (SPSS) versi 13. Keputusan kajian menunjukkan bahawa: (1) keupayaan kemahiran sosial kanak-kanak prasekolah berada pada tahap yang rendah (min 1.619) manakala keupayaan tingkah laku sosial kanak-kanak prasekolah berada pada tahap yang tinggi (2.44). (2) Analisis ujian-t menunjukkan tidak terdapat perbezaan dalam kemahiran sosial dan tingkah laku sosial antara kanak-kanak perempuan (min 1.62) dan kanak-kanak lelaki (min 1.61). (3) hasil kajian melalui korelasi Pearson menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara keempat-empat elemen kemahiran sosial iaitu interaksi sosial, komunikasi sosial, kognisi sosial dan penyelesaian masalah dengan tingkah laku sosial. (4) melalui analisis regresi berganda, dapatan kajian menunjukkan bahawa elemen yang paling berpengaruh dalam kemahiran sosial adalah kognisi sosial (min .012) terhadap tingkah laku sosial kanak-kanak prasekolah. Secara keseluruhan, kajian ini menunjukkan bahawa perkembangan sosial dan kecerdasan mempunyai hubungan timbal balik dan kefahaman sosial yang mendasari kognisi.

## **ABSTRACT**

*This research was to identify the stages of the ability of social skills and social behaviour among preschools children of Tabika, KEMAS. This study was also aimed to find out the significant differences among the preschool children toward social skills and social behavior. Then, the study went on by identifying the relationship between social skills and social behavior among the preschool children. The survey also to determined the elements of social skills most influencings towards behavior skills. A total of 168 preschool children in Beaufort district, Sabah were sampled and administered with structured questionnaires. Descriptive statistical analysis, t-test, correlation analysis and multiple regression analysis were used for this study. Results of this study showed that: (1) the students level of ability of social skills was low (mean 1.619) and the students level of ability of attitudes skills was high (mean 2.44). (2) Only the gender results did not show significant differences. T-test showed social skills and behavior skills for boys were (mean 1.61) and girls (mean 1.62). (3) Through the Pearson Correlation analysis, the result of the study showed that there was a relationship between the social skills and behaviour skills. (4) Finally, through the multiple regression showed that the most influencing element in social skills was cognition skills (mean .012) towards behaviour skills among preschoolers. Overall, this study showed that cognition was always situated in activities and that people learn best when they were working with others between children and those people with whom they have regular social contact.*



## KANDUNGAN

Halaman

<b>TAJUK</b>	i	
<b>PENGAKUAN CALON</b>	ii	
<b>PENGESAHAN</b>	iii	
<b>PENGHARGAAN</b>	iv	
<b>ABSTRAK</b>	v	
<b><i>ABSTRACT</i></b>	vi	
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vii	
<b>SENARAI JADUAL</b>	xi	
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiii	
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xiv	
<b>BAB 1 : PENGENALAN</b>	1	
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	4
1.3	Pernyataan Masalah	6
1.4	Tujuan Kajian	7
1.5	Soalan Kajian	8
1.6	Objektif Kajian	9
1.7	Hipotesis Kajian	10
1.8	Definisi operasional	11
	1.8.1 Kemahiran Sosial	11
	1.8.2 Tingkah Laku Sosial	12
	1.8.3 Taman Bimbingan Kanak-Kanak	13
	1.8.4 Pemaju Masyarakat	13
	1.8.5 Kanak-Kanak	14
1.9	Signifikan Kajian	14
1.10	Limitasi Kajian	15
1.11	Kesimpulan	16





<b>BAB 2 : SOROTAN LITERATUR</b>	16
2.1	Pendahuluan 16
2.2	Definisi Konsep 16
	2.2.1 Pendidikan Awal Kanak-Kanak 16
	2.2.2 Kemahiran Sosial 19
	2.2.3 Tingkah Laku Sosial 20
2.3	Teori 21
	2.3.1 Teori Psikoanalitik 21
	2.3.2 Teori Perkembangan Psikososial 23
	2.3.3 Teori Pembelajaran Sosial 25
	2.3.4 Teori Kognitif 27
	2.3.5 Teori Sosio Budaya 27
	2.3.6 Teori Kecerdasan Pelbagai 29
	2.3.7 Teori Behaviorisme 29
2.4	Kajian Lepas 30
	2.4.1 Kajian Lepas Dalam Negeri 30
	2.4.2 Kajian Lepas Luar Negara 31
2.5	Kerangka Teori Kajian 35
2.6	Kesimpulan 39
<b>BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN</b>	41
3.1	Pendahuluan 41
3.2	Reka Bentuk Kajian 41
3.3	Kaedah Pengumpulan Data 42
3.4	Perihal Lokasi Kajian 43
	3.4.1 Sampel Kajian 43
	3.4.2 Kaedah pensampelan 45
3.5	Instrumen Kajian 49
	3.5.1 Kesahan dan Kebolehpercayaan Dalam Alat Pengukuran 50
3.6	Prosedur Pengumpulan Data 52
3.7	Kajian Rintis 54
3.8	Prosedur Penganalisan Data 55

3.8.1	Statistik Perihalan	55
3.8.2	Statistik Inferensi	57
3.9	Kerangka Matriks Kajian	60
3.10	Kesimpulan	62
<b>BAB 4</b>	<b>: DAPATAN KAJIAN</b>	<b>63</b>
4.1	Pendahuluan	63
4.2	Kadar Sambutan Responden dan Pemerihalan Responden	63
4.2.1	Profil Responden	64
4.3	Dapatan Kajian	65
4.4	Analisis Data Statistik	65
4.5	Pengujian Hipotesis	65
4.6	Jawapan Kepada Persoalan Kajian	66
4.7	Hipotesis	66
4.7.1	Tahap Keupayaan Kemahiran Sosial Kanak-kanak	66
4.7.2	Tahap Keupayaan Tingkah Laku Sosial Kanak-kanak	66
4.7.3	Perbezaan Dalam Kemahiran Sosial Kanak-kanak berdasarkan Jantina	67
4.7.4	Perbezaan Dalam Tingkah Laku Sosial Kanak-kanak berdasarkan Jantina	68
4.7.5	Hubungan Antara Interaksi Sosial dengan Tingkah Laku Sosial Kanak-kanak	68
4.7.6	Hubungan Antara Komunikasi Sosial dengan Tingkah Laku Sosial Kanak-kanak	69
4.7.7	Hubungan Antara Kognisi Sosial dengan Tingkah Laku Sosial Kanak-kanak	69
4.7.8	Hubungan Antara Penyelesaian Masalah dengan Tingkah Laku Sosial Kanak-kanak	70
4.7.9	Hubungan Antara Kemahiran Sosial dengan Tingkah Laku Sosial Kanak-kanak	71
4.7.10	Elemen-elemen Dalam Kemahiran Sosial Yang Paling Berpengaruh Terhadap Tingkah Laku Sosial Kanak-kanak	72

4.8	Rumusan	73
<b>BAB 5 : PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN</b>		<b>76</b>
5.1	Pendahuluan	76
5.2	Ringkasan Dapatan Kajian	76
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	77
5.3.1	Tahap Keupayaan Kemahiran Sosial dengan Tingkah Laku Sosial Kanak-kanak	77
5.3.2	Perbezaan Tahap Kemahiran Sosial dan Tingkah Laku Sosial Kanak-kanak Berdasarkan Jantina	78
5.3.3	Hubungan Antara Elemen Dalam Kemahiran Sosial Dengan Tingkah Laku Sosial Kanak-kanak	79
5.4	Implikasi Kajian	81
5.4.1	Implikasi Kajian Terhadap Kerangka Konseptual Kajian	81
5.4.2	Implikasi Kajian dari segi Pendidikan Prasekolah	85
5.4.3	Implikasi Terhadap Penyelidikan	86
5.5	Cadangan Mempertingkatkan Program Pendidikan Prasekolah	86
5.6	Cadangan untuk Kajian Lanjutan	87
5.7	Penutup	87

## **BIBLIOGRAFI**

## **LAMPIRAN**

- LAMPIRAN A : Tinjauan Oleh Guru-Tingkah Laku Sosial Kanak-kanak Prasekolah
- LAMPIRAN B : Penilaian Kemahiran Sosial Kanak-kanak Prasekolah
- LAMPIRAN C : Surat Pengesahan Instrumen Kajian
- LAMPIRAN D : Surat Pengesahan Instrumen Kajian



## SENARAI JADUAL

		Halaman	
Jadual	3.1	Jadual Pelaksanaan menjawab item soal selidik oleh Pemaju Masyarakat	40
Jadual	3.2	Taburan Bilangan Tabika dan bilangan Pemaju Masyarakat	44
Jadual	3.3	Taburan Bilangan Tabika dan bilangan Kanak-kanak	44
Jadual	3.4	Taburan Keseluruhan Bilangan bagi Pemaju Masyarakat dan bilangan Kanak-kanak	47
Jadual	3.5	Taburan Bilangan bagi Pemaju Masyarakat dan Kanak-kanak yang dikaji.	49
Jadual	3.6	Perincian item kemahiran sosial kanak-kanak	50
Jadual	3.7	Nilai Cronbach dan interpretasi	54
Jadual	3.8	Interpretasi skor min	56
Jadual	3.9	Interpretasi tahap keupayaan kemahiran sosial dan tingkah laku sosial kanak-kanak	56
Jadual	3.10	Perkadaran Persetujuan kanak-kanak	57
Jadual	3.11	Julat indek nilai Pearson dan interpretasi	59
Jadual	3.12	Kerangka Matriks Kajian	60
Jadual	4.1	Kadar sambutan kanak-kanak terhadap instrumen	64
Jadual	4.2	Profil responden kajian berdasarkan jantina kanak-kanak	64
Jadual	4.3	Tahap min keupayaan kemahiran sosial kanak-kanak	66
Jadual	4.4	Tahap min keupayaan tingkah laku sosial kanak-kanak	66
Jadual	4.5	Perbezaan dalam kemahiran sosial kanak-kanak berdasarkan jantina	67
Jadual	4.6	Perbezaan dalam tingkah laku sosial kanak-kanak berdasarkan jantina	68
Jadual	4.7	Hubungan antara interaksi sosial dengan tingkah laku sosial kanak-kanak	68
Jadual	4.8	Hubungan antara komunikasi sosial dengan tingkah laku sosial kanak-kanak	69

Jadual	4.9	Hubungan antara kognisi sosial dengan tingkah laku sosial kanak-kanak	70
Jadual	4.10	Hubungan antara penyelesaian masalah dengan tingkah laku sosial kanak-kanak	70
Jadual	4.11	Hubungan antara kemahiran sosial dengan tingkah laku sosial kanak-kanak	71
Jadual	4.12	Elemen-elemen dalam kemahiran sosial yang paling berpengaruh terhadap tingkah laku sosial kanak-kanak	72
Jadual	4.13	Rumusan hasil dapatan berdasarkan hipotesis	74



## SENARAI RAJAH

### Halaman

Rajah	2.1	Kerangka Konseptual Kajian	36
Rajah	2.2	Gaya Tingkah Laku Kanak-kanak	37
Rajah	3.1	Kaedah Pensampelan	46



## SENARAI SINGKATAN

TABIKA	: Taman Bimbingan Kanak-kanak
KEMAS	: Jabatan Kemajuan Masyarakat
KPM	: Kementerian Pendidikan Malaysia
KPLB	: Kementerian Pembangunan Luar Bandar
KPLBW	: Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah
PM	: Pemaju Masyarakat
FPK	: Falsafah Pendidikan Kebangsaan
Ho	: Hipotesis Nul
H <sub>a</sub>	: Hipotesis Alternatif
SPSS	: <i>Statistical Package for Social Science</i>



## **BAB 1**

### **Pengenalan**

#### **1.1 Pendahuluan**

Rakan sebaya berperanan dalam kehidupan kanak-kanak. Semua kanak-kanak memerlukan kawan untuk berseronok, bermain dan yang paling utama untuk mempelajari erti kerjasama, interaksi, empati dan menyelesaikan masalah yang perlu dimiliki untuk membentuk pertalian yang erat apabila mereka dewasa kelak. Sahabat dijadikan sebagai alat perbandingan terhadap kanak-kanak itu sendiri. Hal ini bermakna kanak-kanak akan menggunakan sahabat sebagai panduan apabila menilai dirinya sendiri dari segi tingkah laku, personaliti, kemahiran, kebolehan, dan lain-lain. Persahabatan merupakan perhubungan dua hala antara dua individu yang melibatkan kesefahaman, saling bantu membantu sesama lain, memahami perasaan dan fikiran, dan berkongsi duka dan gembira.

Ternyata peranan rakan sebaya adalah lanjutan kepada proses sosialisasi dalam keluarga. Kumpulan rakan sebaya dapat berfungsi sebagai pengganti jika perhubungan dengan ibu bapa tidak baik atau tegang. Oleh sebab itu, perhubungan rakan sebaya dapat memberi kesan yang besar terhadap personaliti dan perkembangan sosial remaja. Hal ini disokong oleh Anna Christina (1999, dalam Anna Christina, 2003) bahawa proses tolak ansur dan rundingan yang berterusan yang dilakukan oleh kanak-kanak semasa bermain dapat memupuk perkembangan sosial kanak-kanak serta meningkatkan harga diri kanak-kanak.

Lewis (1995, dalam Rohani Abdullah, 2001) menyatakan bahawa perkembangan sosial merupakan satu proses apabila kanak-kanak belajar berhubung dengan orang lain mengikut cara yang dapat diterima oleh masyarakat dan budayanya. Proses tersebut melibatkan cara berfikir tentang sendiri, orang lain dan perhubungan sosial. Melalui proses sosialisasi atau penerapan nilai sosial yang bermula sejak seseorang bayi dilahirkan akan dapat membentuk kanak-kanak





dengan penyesuaian sosial mengikut pengharapan masyarakat apabila mereka besar.

Menurut Eggen dan Kauchak (1997), Mussen dan Eisenberg-Berg (1977) rakan sebaya memainkan peranan yang sangat penting dalam mengembangkan kebolehan sosial serta kognisi sosial. Piaget (1932) dalam Rohani Abdullah (2001) menyatakan rakan sebaya mempengaruhi pertumbuhan kognitif sosial kanak-kanak.

Charlesworth dan Hartup (1967) mendapati bahawa hubungan antara pemberian dan penerimaan peneguhan adalah positif. Ternyata ini merupakan satu proses dua hala atau timbal balik. Rohani Abdullah (2001) menyatakan dalam Teori Maslow bahawa keperluan manusia dari segi memenuhi keperluan sosial atau penerimaan bermakna keinginan individu untuk mendapatkan persahabatan dan penghargaan yang diberi oleh orang lain. Maka kanak-kanak juga terpaksa mematuhi desakan-desakan kumpulan kanak-kanak yang lain supaya dapat diterima. Mereka akan mempelajari maklumat yang tidak dibenarkan dipelajarinya di rumah, kemahiran lain, kebolehan bersosial, dan corak persahabatan antara kaum dan jantina. Piaget (1969) menerangkan bahawa perkembangan sahsiah berlaku berkait rapat dengan perkembangan sosial kanak-kanak. Guru di sekolah dan ibu bapa di rumah perlu menyedari dan memahami serta memenuhi kehendak kanak-kanak.

Charlesworth dan Hartup (1967) menyifatkan fungsi sahabat sebagai model sosial cara kanak-kanak harus bertingkah laku dalam situasi yang berbeza. Tidak dapat dinafikan bahawa kanak-kanak memperoleh pengetahuan serta mempelajari gerak balas tertentu dengan memerhati tingkah laku sahabatnya. Misalnya, kanak-kanak mempelajari bahawa memukul kawan itu salah dan tidak baik, apabila melihat kanak-kanak yang memukul kawan dimarahi guru.

Kanak-kanak juga gemar meniru tingkah laku sahabatnya. Biasanya kanak-kanak meniru tingkah laku kanak-kanak yang popular dan sesiapa yang telah membentuk hubungan rapat dengannya. Umur seseorang model

juga penting dalam proses peniruan. Kanak-kanak juga gemar meniru tingkah laku orang yang sebaya atau lebih tua daripadanya. Kanak-kanak juga gemar meniru tingkah laku yang boleh mendatangkan peneguhan positif. Walau bagaimanapun, kadang-kadang kanak-kanak juga meniru tingkah laku yang tidak baik. Nyata di sini bahawa, fungsi sahabat sebagai model sosial boleh mendatangkan kesan positif atau negatif kepada kanak-kanak. Kesan positifnya, kanak-kanak belajar berdikari, lebih pandai berinteraksi dengan orang lain, rajin belajar dan sebagainya. Sebaliknya tingkah laku negatif yang mungkin dipelajari ialah tingkah laku agresif, tamak, tidak menghormati orang tua dan lain-lain.

Piaget (1932, dalam Rohani Abdullah, 2001) menekankan kepentingan peranan rakan sebaya adalah sangat positif dalam perkembangan sosial. Terdapat dapatan lain menyatakan bahawa kanak-kanak yang tidak bergaul dengan rakan sebaya semasa awal dan pertengahan zaman kanak-kanak merupakan kanak-kanak yang berisiko untuk menghadapi masalah sosial.

Rubin *et al.*, (1986) mendapati kanak-kanak yang terlibat dengan kekerapan yang tinggi dalam berseorangan merupakan kanak-kanak yang kurang popular, mempunyai usia mental yang lebih rendah dan dilihat oleh guru mereka sebagai kurang berupaya sosial daripada rakan sebaya mereka yang kurang terlibat dalam tingkah laku seperti ini sebagai bersendirian lazimnya akan melibatkan diri dalam permainan yang bercorak kurang matang secara kognitif, serta menerima pelawaan sosial yang kurang daripada rakan sebaya dibandingkan dengan kawan-kawan mereka yang lebih ramah.

Kanak-kanak yang bersendirian menunjukkan corak permainan dramatik, hal ini dilakukan tanpa kehadiran teman sepermainan. Ternyata kanak-kanak bersendirian lebih cenderung untuk mengharapkan bantuan orang dewasa bagi menyelesaikan masalah sosial. Oleh itu, strategi penyelesaian masalah ini menunjukkan pergantungan yang lebih banyak oleh kanak-kanak bersendirian pada orang dewasa.

Sehubungan itu, kanak-kanak ini sukar dirapati oleh rakan sebaya mereka. Sekiranya mereka dapat diterima oleh rakan sebaya, ini boleh dilihat sebagai tahap pengukuran kepada populariti seseorang kanak-kanak. Kesan pemuluan rakan sebaya dan tahap populariti yang rendah telah dibuktikan dapat meramalkan ketidakbolehan menyesuaikan diri pada masa depan.

Cowen *et al.*, (1973), Roff, Sells & Golden, (1972) menyatakan bahawa betapa pentingnya untuk prihatin mengenai kanak-kanak yang kurang berinteraksi antara sesama rakan sebaya mereka. Farrington (1990); Kagan dan Moss (1962) menyatakan bahawa sekiranya kanak-kanak kurang memiliki kemahiran sosial dari awalnya, maka hal ini akan berlanjutan sehingga dewasa.

Dollman *et al.*, (2007) mendapati tanpa kemahiran sosial, iklim persekolahan akan berada dalam keadaan bahaya. Semua guru dari peringkat prasekolah sehinggalah ke kolej atau universiti mengharapkan kanak-kanak ataupun remaja ini dapat mendengar secara aktif, menyiapkan tugas dan juga menyelesaikan masalah.

Maka, bagi mewujudkan suasana dunia yang kondusif ini ternyata kemahiran sosial ini seharusnya berada dalam konteks yang universal, namun guru mendapati para pelajar ini menunjukkan kemahiran yang lemah dalam aktiviti mendengar secara aktif iaitu berinteraksi, menyiapkan tugas atau memiliki kognisi sosial serta mampu untuk menyelesaikan masalah.

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Dalam menghadapi cabaran globalisasi, pendidikan prasekolah yang berkualiti dan berkesan adalah perlu untuk menyediakan asas yang kukuh kepada kanak-kanak sebelum mereka memasuki Tahun Satu di sekolah rendah. Pada mulanya, Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) ditubuhkan untuk membasmi buta huruf dalam kalangan orang dewasa. Namun, atas kesedaran bahawa kemunduran dan keciciran kanak-kanak di kawasan luar bandar perlu diberi perhatian sewajarnya.

Maka, KEMAS mengubah fokus daripada menumpukan kepada program kelas dewasa kepada program bimbingan kanak-kanak. Program Taman Bimbingan Kanak-kanak (Tabika) KEMAS telah dilaksanakan selama 32 tahun, iaitu semenjak tahun 1970 lagi. Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) telah dipertanggungjawabkan bagi membangunkan sumber manusia atau modal insan sedari awal terutamanya kanak-kanak di luar bandar. Kini Kementerian ini berubah nama kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLWB).

Pelaksanaan Program Pendidikan Awal Kanak-kanak adalah selaras dengan Matlamat Falsafah Baru Pembangunan Luar Bandar, iaitu membangunkan masyarakat luar bandar yang berkualiti serta menguasai nilai-nilai murni agar mereka dapat menggunakan faktor masa, maklumat dan sumber yang ada ke tahap yang paling optimum. Bagi mencapai matlamat falsafah tersebut, tujuh inisiatif telah ditetapkan di bawah Falsafah dan Strategi Pembangunan Luar Bandar dan tiga dari inisiatif ini berkaitan terus dengan KEMAS, iaitu Inisiatif Pembangunan Manusia Cemerlang, Inisiatif Pembangunan Keluarga yang Sejahtera dan Inisiatif Pembangunan Masyarakat yang Beridentiti dan Berdaya Tahan. Di samping itu, program ini juga selaras dengan Teras Kedua RMKe-9, iaitu meningkatkan Keupayaan Pengetahuan dan Inovasi Negara serta Memupuk 'Minda Kelas Pertama'. Usaha ini harus seimbang dengan pembangunan insan yang dinamis, peningkatan pengetahuan dan kemahiran dalam kalangan kumpulan sasaran ke tahap optimum.

Matlamat Pendidikan Awal kanak-kanak atau prasekolah bertujuan menyuburkan potensi kanak-kanak prasekolah dalam semua aspek perkembangan, menguasai kemahiran asas dan memupuk sikap positif sebagai persediaan untuk masuk ke sekolah rendah. Selain itu, beberapa objektif Pendidikan Prasekolah adalah membolehkan kanak-kanak mempunyai kemahiran kognitif, kemahiran berfikir dan kemahiran menyelesaikan masalah. Seterusnya, kanak-kanak akan mempunyai kematangan emosi dan khususnya kemahiran sosial. Oleh itu, kajian mengenai kemahiran sosial ini dapat dikaitkan dengan tingkah laku sosial kanak-kanak Tabika KEMAS.

Aisha Z. Abdullah (2003), menekankan bahawa latihan sosial ialah satu kelebihan utama yang diperolehi di sebuah prasekolah yang tidak boleh didapati daripada penjagaan di rumah. Kecerdikan adalah ditakrifkan sebagai kebolehan untuk membuat keputusan dengan pantas dan tepat untuk memperkembangkan kecerdikan kanak-kanak dalam semua aspek. Aspek yang boleh dilihat adalah dengan menambahkan kebolehan kognitif kanak-kanak dalam persekitaran yang meningkatkan pengalaman motor deria.

Seterusnya, dunia sosial sebuah prasekolah ialah sebuah masyarakat yang kecil yang dapat mempersiapkan kanak-kanak bagi menghadapi dunia luar. Oleh itu, perkembangan kanak-kanak pada peringkat umur prasekolah merupakan satu tahap kritikal bukan sahaja sebagai persediaan untuk pendidikan formal malah terhadap perkembangan personaliti individu yang mempunyai ciri-ciri positif dan membina.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Stoppard (1995), menyatakan pemencilan pada peringkat awal kanak-kanak boleh meninggalkan kesan negatif jangka panjang. Kanak-kanak yang tidak pandai bergaul dengan rakan sebayanya mengalami masalah ketika usia prasekolah dan menjadi lebih berat apabila dewasa kelak.

Terdapat banyak ciri personaliti kanak-kanak yang mempengaruhi perkembangan dan masa depannya. Hal ini termasuklah ciri-ciri pandai bergaul, menumpukan perhatian, berupaya belajar daripada kesilapan. Sifat yang kurang berfaedah pula adalah berfikiran lembap, sukar meluahkan perasaan. Perkembangan sosial kanak-kanak terdiri daripada beberapa peringkat. Seperti pelajaran lain dalam hidupnya, kebolehan kanak-kanak berkawan mungkin lambat berkembang. Bersedialah membantu dan menyokongnya kerana kanak-kanak akan membina lingkungan sahabat yang kecil dan meningkatkan keyakinannya. Perkara ini adalah peraturan asas untuk bersahabat pada masa hadapan.

Demikianlah hal ini terjadi kepada kanak-kanak yang mengalami kekurangan kemahiran sosial seperti suka menyendiri dapat dilihat semasa

kanak-kanak ini memasuki tadika. Tanda awalnya adalah apabila kanak-kanak itu masih menyendiri sedangkan kanak-kanak lain berjaya mendapat kawan atau membentuk kumpulan. Apabila kanak-kanak diminta mencari pasangan, jenis penyendiri inilah akhirnya tidak mempunyai kawan. Sekiranya kanak-kanak ini tidak mempunyai kemahiran sosial, hal ini akan melambatkan perkembangan sosialnya.

Permasalahan yang timbul sekarang adalah tanpa kemahiran sosial, iklim persekolahan berada dalam keadaan bahaya. Semua guru daripada peringkat prasekolah ke alam kolej atau universiti mengharapkan kanak-kanak ataupun remaja ini dapat mendengar secara aktif, menyiapkan tugas dan juga menyelesaikan masalah (Dollman *et al.*, 2007). Dalam memiliki suasana dunia kondusif ini ternyata kemahiran sosial ini seharusnya berada dalam konteks yang universal. Namun guru mendapati para pelajar ini menunjukkan kemahiran yang lemah dalam aktiviti mendengar secara aktif, menyiapkan tugas, dan juga menyelesaikan masalah.

Pada umur prasekolah, kanak-kanak menghadapi banyak perubahan dalam menilai diri untuk menjadi lebih berdikari dan personalitinya menjadi semakin matang. Stoppard (1995) perubahan yang mendadak boleh menyebabkan perubahan pada identitinya dengan kehidupan keluarga serta terikat dengan panduan tingkah laku sosial yang telah dipelajarinya. Hal ini perlu ditangani secara lembut tetapi tegas kerana kanak-kanak harus mengalami kedua-duanya untuk dapat menjadi anggota yang pandai dalam masyarakatnya. Biasanya kanak-kanak bersikap mementingkan diri dan memikirkan orang lain hanya apabila diajar berbuat begitu.

Ternyata kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap keupayaan kemahiran sosial kanak-kanak, Tabika KEMAS. Seterusnya keupayaan kemahiran ini memberi implikasi kepada tingkah laku sosial kanak-kanak.

#### **1.4 Tujuan Kajian**

Kajian mengenai tahap kemahiran sosial dan tingkah laku sosial kanak-kanak prasekolah sangat kurang dijalankan di Malaysia terutamanya di negeri Sabah. Kajian sebegini perlu diteruskan terutama untuk mengenal pasti tahap kemahiran

sosial dan tingkah laku sosial kanak prasekolah. Zalizan Jelas dan Khadijah Rohani (1993) dalam Zalizan Mohd Jelas (1998) menyatakan keperluan untuk mengesan kemajuan dan perkembangan kanak-kanak daripada awal persekolahan sangat penting.

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara kemahiran sosial dengan tingkah laku sosial kanak-kanak prasekolah. Kajian ini juga mengetahui melihat sama ada terdapat perbezaan kemahiran sosial dan tingkah laku sosial berdasarkan jantina. Seterusnya kajian ini bertujuan untuk meneliti melihat sama ada terdapat hubungan antara elemen dalam kemahiran sosial iaitu interaksi sosial, komunikasi sosial, kognisi sosial dan penyelesaian masalah dengan tingkah laku sosial kanak-kanak prasekolah.

Matlamat utama dalam pendidikan prasekolah adalah untuk menyuburkan potensi perkembangan seperti kemahiran kognitif, kemahiran berfikir, kemahiran menyelesaikan masalah. Jelaslah kajian ini dapat menunjukkan kebolehan sosial atau kemahiran sosial mempunyai hubungan atau tidak dengan tingkah laku kanak-kanak tersebut.

### **1.5 Soalan Kajian**

Terdapat sepuluh soalan yang timbul dalam kajian ini. Antaranya ialah:

- i. Apakah tahap keupayaan kemahiran sosial kanak-kanak Tabika KEMAS?
- ii. Apakah tahap keupayaan tingkah laku sosial kanak-kanak Tabika KEMAS?
- iii. Adakah terdapat perbezaan dari segi kemahiran sosial kanak-kanak Tabika KEMAS berdasarkan jantina ?
- iv. Adakah terdapat perbezaan tingkah laku sosial kanak-kanak Tabika KEMAS berdasarkan jantina ?
- v. Adakah terdapat hubungan antara interaksi sosial dengan tingkah laku sosial kanak-kanak Tabika KEMAS ?
- vi. Adakah terdapat hubungan antara komunikasi sosial dengan tingkah laku sosial kanak-kanak Tabika KEMAS ?



- vii. Adakah terdapat hubungan antara kognisi sosial dengan tingkah laku sosial kanak-kanak Tabika KEMAS ?
- viii. Adakah terdapat hubungan antara penyelesaian masalah dengan tingkah laku sosial kanak-kanak Tabika KEMAS ?
- ix. Adakah terdapat hubungan antara kemahiran sosial dengan tingkah laku sosial kanak-kanak Tabika KEMAS ?
- x. Adakah elemen-elemen dalam kemahiran sosial yang paling berpengaruh terhadap tingkah laku sosial kanak-kanak Tabika KEMAS ?

### **1.6 Objektif Kajian**

Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji tahap keupayaan kemahiran sosial dan tingkah laku sosial kanak-kanak . Selain itu, kajian ini mengenal pasti sama ada terdapat perbezaan kemahiran sosial dan tingkah laku sosial berdasarkan jantina. Seterusnya ingin melihat terdapat hubungan antara elemen dalam kemahiran sosial iaitu interaksi sosial, komunikasi sosial, kognisi sosial dan penyelesaian masalah dengan tingkah laku sosial kanak-kanak akan diteliti. Secara khususnya, objektif-objektif kajian adalah seperti berikut:

- i. Mengetahui tahap keupayaan kemahiran sosial kanak-kanak Tabika KEMAS.
- ii. Mengetahui tahap keupayaan tingkah laku sosial kanak-kanak Tabika KEMAS.
- iii. Mengenal pasti perbezaan kemahiran sosial kanak-kanak Tabika KEMAS berdasarkan jantina.
- iv. Mengenal pasti perbezaan tingkah laku sosial kanak-kanak Tabika KEMAS berdasarkan jantina.
- v. Mengenal pasti hubungan antara interaksi sosial dengan tingkah laku sosial kanak-kanak Tabika KEMAS.
- vi. Mengenal pasti hubungan antara komunikasi sosial dengan tingkah laku sosial kanak-kanak Tabika KEMAS.
- vii. Mengenal pasti hubungan antara kognisi sosial dengan tingkah laku sosial kanak-kanak Tabika KEMAS.
- viii. Mengenal pasti hubungan antara penyelesaian masalah dengan tingkah laku sosial kanak-kanak Tabika KEMAS..



## BIBLIOGRAFI

- Abdul Halim Taib. 1997. Tujuh tahap kecerdasan dan cara-cara meningkatkan potensi keseluruhan otak melaluinya: satu intisari. *Jurnal Akademik Maktab Perguruan Sultan Abdul Halim*. Jilid 5, m.s. 26-35. Sungai Petani : Kedah Darul Aman.
- Ahmad Shukri Mohd Nain. 2002. *Tingkah Laku organisasi: pengenalan tingkah laku individu*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Aisha Z. Abdullah. 2003. *Mengapa Montessori? Memilih Prasekolah yang sesuai*. Singapura: Times Books International.
- Alias Baba. 1992. *Statistik Penyelidikan dlm. Pendidikan dan Sains Sosial*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anna Christina Abdullah. 2003. *Kesan "Program Menyelesaikan Masalah Sosial Kanak-kanak Prasekolah "(PSPP) Ke atas Kognisi dan Tingkah laku Prosocial kanak-kanak*. Tesis Sarjana. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anna Freud. 1960. *Psychoanalysis for teachers and parents/introductory lectures* Trans. Barbara Law. Boston: Beacon Press.
- Azizi Yahaya, Jaafar Sidek Latif, Shahrin Hashim dan Yusof Boon. 2006. *Psikologi Sosial Alam Remaja*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Azmita, M., 1988. Peer interaction and problem solving: When are two heads better than one? *Child Development*. **59**:87-96
- Bandura, A. 1984. *Social Foundation of Thought And Action. A Social Cognitive Theory*. New Jersey: Prentice Hall Englewood Cliffs.
- Berndt, T.J. 1981. Age changes and changes overtime in prosocial intentions and behaviour between friends. *Development Psychology*. **17**: 408-416.
- Brewer, J.A. 1992. *Introduction to early childhood*. Boston: Allyn & Bacon.
- Caplan, M., Vespo, J., Pederson, J. & Hay, D.F. 1991. Conflict and its resolution in small groups of one- and two-year-olds. *Child Development*. **62**:1513-1524.
- Cassidy, J., Parke, R.D., Butkovsky, L. & Braungart, J.M. (1992) Family-peer connections : The roles of emotional expressiveness within the family and children's understanding of emotion. *Child Development*. **63**:602-618.
- Charlesworth, W. & Hartup, W.W. 1967. Positive Social reinforcement in the nursery school group. *Child Development*. **38**:993-1003.



- Chua Yan Piaw. 2006. *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Buku. Asas Statistik Penyelidikan Buku 2*. Malaysia : Mc Graw Hill(Malaysia) Sdn. Bhd.
- Clarice Albert. 2005. *Hubungan sikap dan tingkah laku bermasalah dengan kualitipencapaian akademik pelajar Tingkatan 4, Daerah Tambunan, Sabah*. Tesis Sarjana. Sabah: Universiti Malaysia Sabah.
- Cowen, E.L., Pederson, A., A., Babigian, H., Izzo, L.D., & Trost, M.A. (1973). Long-term follow-up of early detected vulnerable children. *Journal of Consulting and Clinical Psychology* . **41**: 438- 446.
- Davis, J.A. 1971. *Elementary Survey Analysis*. New Jersey: Prentice Hall.
- Fitz-Gibbon dan Morris,L.L. 1987. *How to Analyze Data*. Los Angeles: Sage Publication, Inc.
- Deer, V.J. 1994. *Children's Perceptions of Acceptable Same and Other-Gender Peer Behavior*. Disertasi PhD. Auburn University.
- Eggen, P. & Kauchak, D. 1997. *Educational psychology : Windows on classrooms*. (3<sup>rd</sup>. edition). New Jersey: Prentice Hall.
- Eisenberg, N. & Mussen, P.H. 1990. *The Roots of Prosocial Behavior In Children*. New York: Press Syndicate of the University of Cambridge.
- Farrington, D.P. 1990. Childhood Aggression and Adult Violence: Early Precursors and Later-life Outcomes. In Pepler, D.J. & Rubin, K.H. (eds). *The Development and Treatment of Childhood Aggression*. pp 5-29. Hillsdale: Erlbaum
- Gelfand, Donna M. 2003. *Understanding child behavior disorders*. Forth worth: Harcourt Brace College Publishers.
- Haeley, J.F. 2002. *Statistics: A Tool for Social Research ( 6<sup>th</sup> edition)*. New York: Wadsworth, Thomson Learning, Inc.
- Hartshorne, H., May, M.A. & Mayler, J.B. 1929. *Studies in the nature of character : Studies in service and self-control. (Vol. 2)*. New York:Macmillan.
- Hartup, W.W. 1992. Friendship and their developmental significance. In McGurk, H. (ed.) *Childhood Social Development: Contemporary Perspectives*. Hove: Lawrence Erlbaum Association.
- Hartup, W. W. 1967. The young child reviews of research. In Hartup W. W. and Nancy L. (eds). *Smothergill*. Washington D.C: National Association for the Education of Young Children.
- Havighurst, R.J. 1972. *Development Tasks and Education (3<sup>d</sup> edition.)* New York: David McKay.
- Hoffman, M.L. 1977. *Sex differences in empathy and related behaviors*. Psychological Bulletin. **84**:712-722.



- Howard Gardner. 1998. *Are there additional intelligences? The case of the naturalist, spiritual, and existential intelligences.* In Kane J. (ed.), Educational Informational and Transformation. Upper Saddle River: Prentice Hall.
- Howell, D.C. 2002. *Statistical Methods for Psychology (5<sup>th</sup> edition).* New York: Duxbury Thomson Learning.
- Howes, M., 1988. *Peer Interaction of Young Children. Monographs of Society for Research in Child Development.* 53, (1, Serial No 217).
- Jabatan Kemajuan Masyarakat, Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. *Laporan Tahunan.* 2006. Putrajaya: Red October Malaysia Sdn. Bhd.
- Jas Laile Suzana Jaafar. 2002. *Psikologi Perkembangan: Psikologi Kanak-kanak dan Remaja.* Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Johnson, B. & Christensen, L. 2000. *Educational Research: Quantitative and Qualitative Approaches.* New York: Allyn & Bacon.
- Jones, M.C., 1965. Psychological correlates of somatic development. *Child Development.* 36:899-911.
- Kagan, J. & Moss, H.A. (1962). *Birth to Maturity.* New York: Wiley
- Kagan, S. & Madsen, M.C. 1972. Experimental Analyses of Cooperation and Competition of Anglo-American and Mexican children. *Developmental Psychology.* 6: 49-59.
- Kamarudin Husin & Siti Hajar Hj. Abdul Aziz. 2003. *Pedagogi Asas Penyelidikan.* Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2003a. *Huraian Kurikulum Kebangsaan Prasekolah.* Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Krejcie, R.V & Morgan, D.W. 1970. *Determining Sampel Size for Research Activities, Educational and Psychological Measurement.* 30(3); 607-610.
- Langebach, M., Vaughn, C., & Aagaard, L. 1994. *An introduction to educational research.* Needham Heights: Allyn and Bacon, Inc.
- Levin, J. & Fox, J.A. 2003. *Elementary Statistics In Social Research (9<sup>th</sup> edition).* New York: Pearson Education Group, Inc.
- Lewis, M., & Brooks-Gunn, J., 1979. *Social Cognition and the Acquisition of Self.* New York: Plenum.
- Lin, C.S. 1996. *The effects of curriculum-based peer-mediated social skills training on the positive peer interactions of preschool children with special needs.* Disertasi Ph.D. The Ohio State University.



- Lucinda Dollman, Catherine Morgan, Jennifer Pergler, William Russell & JenniferWatts. 2007. *Improving Social Skills Through The Use Of Cooperative Learning*. Action Research Degree of Master. Chicago: Saint Xavier University.
- Lyle Grant, Annabel Evans. 1994. *Principles of behaviour analysis*. New York: Harper Collins College Publisher.
- McConnell, S.R. 1991. Effects of social skills training and contingency management on reciprocal interaction of preschool children with behavioral handicaps. *Journal of Special Education* . **24** (4): 73-95
- McEvoy, M.A. 1990. *Affection activities: Procedures for encouraging young children with handicaps to interact with their peers*. Education and Treatment of Children **13** (2): 159-167
- McKee, J.P. & Leader, F. (1985) The relationship of socioeconomic status and aggression to the competitive behaviour of preschool children. *Child Development*. **26**: 135-154
- McNamee-McGrory, V.J. 1996. *Reduction of "clinging" behaviors in a preschoolers through social skills training and utilization of the "Premack Principle"*. Disertasi Ph.D. .California School of Professional Psychology Fresno.
- Miles, J. & Shevlin, M. 2001. *Applying Regression and Correlation. A guide For Students and Researchers*. London: Sage Publication.
- Miller, Alan. 1994. *Environmental problem solving: psychosocial barriers to adaptive change*. New York: Springer.
- Mohd. Najib Abdul Ghafar. 1997. *Pembinaan dan analisis ujian bilik darjah*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd. Azhar Abd. Hamid. 2004. *Panduan meningkatkan kecerdasan emosi*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohd. Majid Konting. 1990. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mussen, P. & Eisenberg-Berg, N. (1977). *Roots of caring, sharing and helping: The development of prosocial behavior in children*. San Francisco: Freeman.
- Nor Rul Azlifah Bt. Hj. Zulkafali. 2000. *Kesan latihan kemahiran sosial terhadap sendiri pelajar lemah akademik*. Tesis Sarjana. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Patterson, De Baryshe & Ramsey. 1986. *Theories of counseling and psychotherapy*. New York: Harpes and Row.



- Piaget, J. & Inhelder, B. 1969. *The Psychology of the Child*. New York: Basic Books.
- Radke-Yarrow, M., Zahn-Waxler, C. & Chapman, M. 1983. *Children's prosocial dispositions and behavior*. DlmMussen. P.H. (ed.), *Handbook of Child Psychology, Vol.4: Socialization, personality, and social development (Edisi 4*. pp 469-545. New York: Wiley.
- Richard Fabes, Carol Lynn Martin. 2003. *Exploring child development*. Boston: Allyn and Bacon.
- Richman. N., Stevenson, J. and Graham, P. J. 1982. *Pre-school to School: A Behavioural Study*. London: Academic Press.
- Roff, M., Sells, S.B. & Golden, M.M. (1972). *Social adjustment and personality development in children*. Minneapolis: University of Minnesota Press.
- Romano, J.M. & Bellack, A.S. 1983. *Assessment of cognitive social skills in learning disabled boys*. Paper presented . Annual Convention of the American Psychological Association. Anaheim, California. August 26-30.
- Rohani Abdullah. 2001. *Perkembangan Kanak-kanak: Penilaian Secara Portfolio*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Roscoe, J.T. 1975. *Fundamental Research Statistic For The Behavioral Sciences (2<sup>nd</sup> edition)*. New York: Holt, Rinehart & Winston.
- Rubin, K.H. & Caplan; R.J. 1998. *Social and non social play in childhood: An individual differences perspective*. In. Saracho O.N. & Spodek B. (eds.) *Multiple Perspectives on Play in Early Childhood Education*. pp 144-170. Albany: SUNY Press.
- Rushton, J.P. 1980. Socialization and the Altruistic Behavior of the Children. *Psychological Bulletin*. **83**:898-913.
- Scott, P. 7 Spencer, C. (1998). *Psychology-A Contemporary Introduction. Massachusetts*: Blackwell Publishers
- Schumachor, S. and Mc Millan, J.H. 1993. *Research In Education. A Conceptual Introduction. (3<sup>rd</sup> edition)* New York: Harper Collins College Publisher.
- Slavin, R.E. 2006. *Educational Psychology Theory and Practice (8<sup>th</sup> edition)*. United States of America : Pearson Education, Ltd.
- Staub, E. (1979). *Positive social behavior and morality : Socialization and development : Vol.2*. New York : Academic Press.
- Stephen. K. Reed. 2000. *Cognition (5<sup>th</sup> edition)*. New York: Wadsworth.
- Stoppard M. 1995. *Jagaan Lengkap Bayi dan Kanak-kanak*. Terj. Arus Intelek Sdn. Bhd: Kuala Lumpur.



- Sulaiman Ngah Razali. 1996. *Analisis data dalam penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Thomas Fetsco & John McClure. 2005. Washington D.C.: National Association for the Education of Young Children, 1967.
- Tuckman, Bruce W. 1994. *Conducting educational research*. Fort Worth: Harcourt Barce College Publisher.
- Vgotsky, L. 1978. *Mind in society*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- William Damon. 1998. *Handbook of child psychology/editor-in-chief, William Damon, volume editor Richard M. Lerner*. New York: John Wiley.
- www. devstu.org. and skillstreaming in Early Childhood. *'Scales from Student Questionnaire, Child Development Project for Elementary School Students. New Strategies and Perspectives for Teaching Prosocial Skills*. Copyright by Elle McGinnis and Arnold R. Goldstein, Champaign, IL Research Press(800)519-2707.
- Vijayen a/l Gopal. 2002. *Kemahiran asas sosial kanak-kanak autism dip persekitaran sekolah*. Tesis Sarjana. Bangl. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zaidatun Tasir dan Mohd Salleh Abu. 2003. *Analisis Data Berkomputer. SPSS 11.5 For Windows*. Universiti Teknologi Malaysia: Venton Publishing.
- Zalizan Mohd Jelas. 1998. *Skala Pemarkatan Perkembangan Kanak-kanak*. Falukti Pendidikan: Universiti Kebangsaan Malaysia.

